

Pg. P.U. 23. 244 10/5/79

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (LARANGAN MEROKOK DALAM PANGGUNG)
SEBERANG PERAI, 1978

BAHAWASANA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 27hb April, 1978, telah meluluskan Undang-undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Undang-undang Kecil"); Akan 171.

Oleh itu maka, sekarang ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103, Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Pihakberkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan Undang-undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978.** Nama.
2. Undang-undang Kecil ini hendaklah dipakai untuk semua kawasan di dalam Seberang Perai. Pembatalan.
3. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai.

"merokok" mengikut variasi tutubahasanya, ertinya menyedut dan mengeluarkan asap tembakau atau bahan yang lain;

"Panggung" ertinya sebarang tempat, kepungan, bangunan, khemah, pentas atau binaan yang tertutup baik yang kekal ataupun sementara, di mana sesuatu pertunjukan wayang dipertunjuk atau dipersembahkan dan yang mana ke dalamnya orangramai dibenarkan masuk baik di atas pembayaran suatu bayaran masuk ataupun secara percuma, tetapi tidaklah termasuk mana-mana bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan, mana-mana bahagian bangunan sebarang kelab, persatuan, institusi atau lain-lain badan di mana sebarang pertunjukan wayang dipertunjuk atau dipersembahkan, samada dengan percuma ataupun sebaliknya terutamanya untuk faedah-faedah ahli-ahlinya;

"Pengurus" berhubung dengan sesebuah panggung termasuklah seorang penolong pengurus, seseorang yang memegang suatu peranti-tikan yang sejajar dengan jawatan pengurus atau penolong pengurus atau seseorang yang bertanggungjawab ke atas pengurusan panggung itu atau yang menjaga atau menjuwalnya;

"Pertunjukan wayang" ertinya sesuatu pertunjukan wayang gambar dan termasuklah pertunjukan pentas kecuali jika ianya dipersembahkan di dalam mana-mana kelab malam;

"Pertunjukan wayang gambar" ertinya sebarang pertunjukan gambar atau sebarang bentuk tayangan yang lain dipersembahkan dengan cara menggunakan sesebuah alat penayang gambar ataupun perkakas lain yang serupa dengannya dan termasuklah pengeluaran sebarang muzik, suara, bunyi bising atau apa juga bunyi yang mengiringi penayangan yang dibuat melalui sesebuah alat penayang gambar ataupun melalui perkakas lain yang serupa dengannya;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Kesalahan merokok.

4. Seseorang yang merokok dalam mana-mana panggung pada bila-bila masa ketika mana ia dibuka kepada orang ramai adalah melakukan kesalahan menurut Undang-undang Kecil ini dan bagi tujuan Undang-undang Kecil ini, perbuatan membawa rokok, paip atau sesuatu alat bagi tujuan merokok adalah sama seperti perbuatan merokok.

Nota bahawa merokok hendaklah diutamakan dalam panggung etc.

5. (1) Pengurus bagi setiap panggung hendaklah mengarah supaya dipamirkan notis-notis yang sesuatu dan mencukupi dengan saiz-saiz yang memadai dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil pada tempat yang mudah dilihat, menyatukan bahawa merokok adalah dilarang dan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan itu menurut Undang-undang Kecil ini, dan juga hendaklah, jika diarahkan oleh Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan Majlis, meletakkan notis-notis itu pada tempat-tempat yang demikian, menyusun perkataan sedemikian cara atau menyempulkannya mengikut saiz tertentu, sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan Majlis.

(2) Pengurus boleh, selain dari notis-notis itu, memakai mana-mana cara, kalendar atau benda sebagaimana Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan Majlis fikirkan sesuai bagi membawa amaran larangan dan hukuman yang demikian ke perhatian perpendengar, penonton atau orang-orang lain yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pengurus bagi mana-mana panggung yang melanggar mana-mana dari peruntukan perenggan-kecil (1) dan (2) dalam Undang-undang Kecil ini atau tidak mematuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan Majlis di bawah perenggan kecil yang tersebut, adalah melakukan kesalahan menurut Undang-undang Kecil ini.

Di mana merokok tidak dibenangi.

6. Tiada apa-apa peruntukan dalam Undang-undang Kecil ini akan diertikan sebagai menegah seseorang dari merokok di mana-mana pertunjukan wayang yang keseluruhannya diadakan di tempat terbuka atau di mana-mana bahagian sebahagian panggung, selain dari dalam auditorium panggung yang sedemikian itu.

Hukuman.

7. Sesiapa yang disabitkan bagi sesuatu kesalahan menurut mana-mana dari Undang-undang Kecil ini boleh dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari setahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan untuk kesalahan yang berturut-turut jumlah bayaran tidak lebih dari dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan seperti itu berturut-turut selepas sabitan.

Bertarikh pada 25hb April, 1979.

[PSUK/PP/1176/1/Bah. 13, MPSP/10/1-65/33;

IPU/PP/1176/Bah. 13]

WONG HIN FATT

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Palau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976

PROVINCIAL WELLESLEY (BANNING OF SMOKING IN THEATRES) BY-LAWS, 1978

Act (31).

WHEREAS in exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act, 1976 Municipal Council Seberang Perai at a meeting of the Council held on the 27th day of April, 1978 passed the Provincial Wellesley (Banning of Smoking in Theatres) By-Laws, 1978 (hereinafter referred to as "the By-laws");

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby enacts the By-laws as follows: